

07 MAR 2004

Pilihan raya-Pembangkang (Mahathir)

MAHATHIR: TIADA ISU MELAINKAN YANG DICIPTA OLEH PARTI PEMBANGKANG

LANGKAWI, 7 Mac (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata parti pembangkang tidak mempunyai isu baru untuk dibangkitkan pada pilihan raya umum kali ini kecuali yang mereka cipta sendiri.

Beliau berkata iklim pilihan raya umum kali ini lebih baik kerana parti pembangkang sudah ketandusan isu berbanding pilihan raya umum pada tahun 1999.

Lagipun "apa yang patut kita (kerajaan BN) buat, kita dah buat," katanya kepada pemberita selepas menama dan merasmikan pembukaan Air Terjun Langkawi, iaitu air terjun buatan manusia yang tertinggi di Malaysia, di Jalan Datai di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian apabila ditanya pemberita mengenai perbezaan suasana pilihan raya umum ke-11 dengan pilihan raya ke-10 pada tahun 1999.

Beliau turut menasihati pengundi di Langkawi supaya tidak mempertikaikan siapa calon yang akan dikemukakan BN, tetapi memberi sokongan penuh kepada mereka yang dicalonkan "kerana orang Langkawi sudah mewah jika dibanding dengan orang di tanah besar."

Kerajaan sudah melabur lebih RM4 bilion untuk memesatkan pembangunan Langkawi terutama menerusi Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) yang telah melaksanakan pelbagai projek pembangunan bagi menjadikan pulau itu sebagai sebuah pulau pelancongan yang terkenal selepas diistihar sebagai pulau bebas cukai pada tahun 1987, katanya.

Dr Mahathir turut mengadakan perjumpaan dengan anggota BN Langkawi di Kompleks Sukan Langkawi di sini malam ini sebelum berlepas pulang.

-- BERNAMA

ZI HK LAT